

“PIAGAM MADINAH: RINGKASAN PANDANGAN DUA TOKOH AKADEMIK  
DALAM KONTEKS POLITIK SEMASA, MENURUT BUKU ABU BAKAR HAMZAH”

Muaz Bin Hj Mohd Noor<sup>1,a</sup>, Noorfazreen binti Mohd Aris<sup>2,b</sup>, Nor Adina bt Abd Kadir<sup>3,c</sup>,  
Mariam Farhana bt Md Nasir<sup>4,c</sup>, Sarah Dina bt Mohd Adnan<sup>5,d</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Alor Gajah, Melaka

<sup>a</sup>muaz3108@melaka.uitm.edu.my, <sup>b</sup>noor\_areen@melaka.uitm.du.my, <sup>c</sup>noradina@melaka.uitm.edu.my, <sup>d</sup>mariamfarhana@melaka.uitm.edu.my, <sup>e</sup>sarahdina@melaka.uitm.edu.my

**Kata kunci:** Piagam Madinah, Politik, Abu Bakar Hamzah, Prof. Datuk Dr. Hj. Ahmad Ibrahim, Prof. Dzafir El-Qasimy

**Abstrak.** Piagam Madinah merupakan piagam yang ringkas, padat dan menjadi kesulitan kepada sebahagian masyarakat untuk mentafsirkannya, terutama jika ia hendak dijadikan asas kepada perlembagaan negara Islam seperti Malaysia. Atas dasar itu, Abu Bakar Hamzah telah menerbitkan sebuah buku yang mengandungi ulasan dan pandangan oleh dua orang tokoh akademik yang terkemuka di dalam bidang undang-undang iaitu Prof. Datuk Dr. Hj. Ahmad Ibrahim dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Prof. Dzafir El-Qasimy dari Labenon. Abu Bakar Hamzah telah menterjemahkan karya penulis dua orang tokoh ini ke dalam Bahasa Melayu sebagai satu usaha untuk menambah koleksi ilmu disamping memudahkan masyarakat Melayu memahami apa itu Piagam Madinah, serta mengetahui apakah hibrah yang boleh diteladani untuk dipraktikkan dalam sebuah negara seperti Malaysia. Penulis meringkaskan himpunan pandangan kedua-dua tokoh ini dalam kajian ini bagi memudahkan masyarakat untuk memahami serta menghayatinya. Hasil dapatan ini menyaksikan bahawa terlalu banyak perkara-perkara menarik dan penting yang boleh diambil pengajaran dan pedomannya melalui Piagam Madinah ini dalam konteks semasa. Ia boleh dijadikan model atau contoh kita dalam berpolitik dan bernegara, khususnya di tanah air kita, Malaysia

PENGENALAN

Piagam Madinah ini yang asalnya disediakan oleh Rasulullah bagi menjadi panduan hidup umat Islam dan bukan Islam di Madinah pada zamannya. Ia merupakan piagam yang pertama di dunia dan menjadi persoalan penting di negara kita, samada ia sesuai atau tidak menjadi asas kepada perlembagana Negara Islam di negara kita. Berikut adalah terjemahan dari Abu Bakar Hamzah terhadap pandangan dan ulasan dua tokoh ternama, iaitu Prof. Datuk Dr. Hj. Ahmad Ibrahim dan Prof. Dzafir El-Qasimy dari Labenon.

1. Pandangan Dan Ulasan: Prof. Datuk Dr. Hj. Ahmad Ibrahim

Akibat berlakunya permusuhan dan perbalahan di kalangan orang Mekah, serta wujud satu konspirasi untuk membunuh Nabi Muhammad SAW, maka Allah telah menyelamatkan baginda dengan membolehkan baginda berhijrah ke Madinah. Beliau telah diterima secara baik oleh penduduk Madinah dan disanalah beliau berjaya mengadakan Negara Islam dimana cara pemerintahan, ekonomi, dan cara hidup penduduknya berasaskan kepada ajaran Islam sebenar.

Ketika itu, mengikut riwayat hanya terdapat beberapa ratus orang Islam sahaja, sedangkan penduduk Madinah ditafsirkan sebagai antara lima dan sepuluh ribu, dan orang Yahudi adalah separuh dari jumlah itu. Setelah Rasulullah tiba di Madinah atau dahulunya dikenali sebagai Yathrib, baginda menghadapi beberapa masalah yang perlu kepada penyelesaian. Masalah-masalah itu ialah;

- i) Menggariskan hak dan tanggungjawab orang-orang Islam dan penduduk tempatanMadinah
- ii) Pemulian orang-orang yang berhijrah
- iii) Persefahaman dengan orang-orang bukan Islam terutama sekali dengan orang-orang Yahudi
- iv) Penyusunan soal politik dan pertahanan Madinah
- v) Bayaran pampasan terhadap kerugian atau kehilangan nyawa dan harta yang dialami oleh orang–orang yang berhijrah lantaran angkara orang Quraish Mekah.

Untuk tujuan di atas, Rasulullah telah membuat perjanjian antara orang Islam dan orang Yahudi di Madinah dan merangka serta mengishtiharkan suatu perlembagaan yang digelar sebagai *Kitab* atau *Sahifah* iaitu kanun tingkahlaku atau piagam mengenai hak kewajipan pemerintah dan orang yang diperintah.

**Kandungan Piagam Madinah.** Dalam Perlembagaan Madinah ini terdapat dua bahagian. Bahagian pertama yang

mengandungi 23 fasal menyentuh mengenai perhubungan antara kaum Muhajiran dan Ansar, manakala 24 fasal lagi merupakan peruntukan-peruintukan yang berhubung dengan hak dan kewajipan orang-orang Yahudi.

Perlembagaan madinah menyentuh berbagai-bagai persoalan seperti hak dan kewajipan pemerintah dan orang yang diperintah, perundangan, pentadbiran keadilan, susunan pertahanan, kedudukan Ketua Negara, layanan terhadap orang-orang bukan Islam, jaminan kemasyarakatan dan perngertian “Ummah”.

Perlembagan ini mengandungi dasar-dasar umum yang setanding dengan perlembagan Negara-negara moden. Dasar yang paling penting ialah pembentukan “Ummah” dengan memberi pengertiannya dan menerangkan berbagai-bagaigolongan yang terdapat di dalam “Umah” itu. Dalam fasal 25 ad diperuntukan iaitu, “*orang-orang Yahudi Bani Auf adlah merupakan Ummah bersama-sam orang Mukmin*”. Dari sini, Zafir El-Qasimy berpendapat bahawa Islam menganggap ahli Kitab atau orang-orang yahudi adalah merupakan warganegara dan Ummah bersama orang-orang Islam, selama mereka menjalankan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka.

Perlembagaan Madinah telah membawa perubahan besar dengan memperuntukan sebuah institusi kerajaan pusat bagi menjamin keadilan dan keamanan tanpa menghilangkan kuasa dan keistimewaan golongan-golongan tertentu. Kota Madinah telah dibahagikan kepada beberapa jajahan bagi beberapa suku kaum yang berlainan. Dalam tiap-tiap jajahan itu terdapat ketua (naqib), timbalan ketua dan sebuah tempat perjumpaan (saqifah). Sekiranya seorang naqib gagal untuk menyelesaikan pertikaian dalam kumpulan, atau andainya pihak-pihak yang terlibat dalam mana-mana perselisihan atau pertikaian terdiri dari suku-suku kaum yang berlainan, maka perkara itu akan dirujuk kepada Rasulullah bagi mendapat perintah muktamad.

Sebelum kedatangan Islam, kota Madinah tidak pernah mengenali apa-apa jenis susunan Negara. Rasulullah lah yang memberi bentuk Negara pertama, dan apa yang lebih dari itu, ia adalah sebuah perlembagaan bertulis. Terdapat banyak suku bangsa yang tinggal di Madinah. Dalam perlembagaan yang bersifat ‘persekutuan’ itu, Rasulullah bukan sahaja menjadi pemimpin kepada orang Islam, tetapi juga kepada orang-orang Yahudi dan orang-orang Arab yang belum beragama Islam.

Soal kemanan dan peperangan terletak dibawah bidang kuasa kerajaan pusat. Ketua turus peperangan diberi kepada Rasulullah dan setiap orang adalah bertanggungjawab dan bersepakat dalam perkara damai dan perang. Setiap peperangan atau ancaman terhadap kota Madinah dianggap sebagai ancaman terhadap semua orang dan ini menuntut kerjasama dari segenap pihak untuk mempertahankannya. Setiap pihak dikehendaki menyertai dan saling membantu dalam sesuatu peperangan. Walaubagaimanapun, setiap tindakan yang hendak diambil hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan dari Rasulullah.

Orang-orang Yahudi bukan sahaja menerima Rasulullah sebagai ketua negara, tetapi juga bersetuju menjadikan Kota Madinah sebagai kawasan suci yang tidak boleh dilanggar kehormatannya. Persetujuan ini mengishtiharkan Kota madinah sebagai kawasan aman dan bebas dari segala ancaman. Sesungguhnya soal aman dan perang terletak dibawah kerajaan pusat, tetapi setiap dari orang diberi hak untuk memberi perlindungan kepada seseorang dan janji perlindungan yang diberi oleh seseorang hendaklah dihormati oleh semua UMMAH.

Begitu juga dalam hal memberi perlidungan kepada jiran. Ia merupakan sebahagian daripada adat yang dihargai oleh masyarakat Arab, tetapi oleh kerana masyarakat islam Madinah berada dalam suasana perang atau bersiap sedia untuk menghadapi musuh, maka Rasulullah telah membatalkan adat tersebut dengan memasukkan satu fasal dalam Sahifah yang berbunyi, “*tidak diberi perlindungan jiran kepada orang-orang Quraish dan orang-orang yang membantunya*”. Orang-orang Quraish pada waktu itu merupakan musuh Islam yang cuba mengancam keutuhan Madinah.

Nabi Muhammad SAW mempunyai kuasa tertinggi dalam kehakiman perundangan dan pemerintahan, tetapi terdapat perbezaan yang jelas antara kuasa yang oleh baginda dan kuasa mutlak pemerintahan beraja iaitu, dalam menjalankan kuasa Rasulullah telah membawa unsur akhlak dalam politiknya dan menolak pengaruh kebendaan. Baginda menganggap Allah sebagai sumber kekuasaan dan dirinya sebagai wakil-Nya dan disamping itu baginda mengishtiharkan bahawa perintah Allah dilaksanakan sama terhadapa dirinya seperti rakyat biasa.

Menurut Dr. Hassan Ibrahim Hassan, beberapa sumber undang-undang Islam menjadi jelas dari perkataan yang terdapat dalam perjanjian tanggungjawab bersama yang dirangka oleh Muhamad SAW. Perjanjian ini telah mengikat orang-orang Islam disatu pihak dan orang-orang Yahudi di suatu pihak yang lain dan menjamin kepada orang-orang Yahudi akan kebebasan beragama dan keselamatan.

Mengikut perlembagaan Madinah ini, setiap orang tidak boleh dihukum kerana kesalahan yang dilakukan oleh sahabat atau sekutunya, dan perlindungan tidak boleh diberikan terhadap orang zalim dan bersalah. Kedu-dua perutusan ini menunjukkan bahawa konsep keadilan dan kedaulatan undang-undang adalah diberi jaminan sepenuhnya. Seseorang

itu dihukum lantaran kesalahannya dan hukuman dijalankan keatas pesalah tanpa mengira kedudukannya. Sesiapa yang melakukan kejahatan maka balasan itu akan menimpa keatas dirinya dan keluarganya kecuali dirinya dizalimi.

Orang-orang yang disabitkan dengan kesalahan membunuh akan dikenakan dengan hukuman qisas kecuali ia dimaafkan oleh keluarga mangsa yang terbunuh (waliyyu al-maqtul) dan setiap orang dikehendaki mengutuk segala perbuatan jenayah.

Firman Allah taaa di dalam surah al-Madinah ayat 45 yang bermaksud, *“dan kami telah tetapkan diatas mereka bahawa jiwa dibalas dengan jiwa. tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya”*.

Dipermulaan Perlembagaan Madinah disebutkan bahawa orang-orang mukminin dan muslimin dari kaum Muhajirin dan Ansar adalah menjadi Ummah berbeza dengan orang-orang yang lain. Seperti yang disebut di dalam al-Quran yang bermaksud, *“ seseungguhnya umat kamu ini adalah umat yang satu dan Akulah Tuhan kamu dan sembahlah Aku akan kamu”*. (surah al-Ambiyaa, ayat 92).

Mengikut perjanjian yang menjadi asas Perlembagaan Madinah, kaum Yahudi dianggap sebagai satu Ummah yang hidup bersatu dengan warganegara yang beriman dengan erti bahawa meraka hidup bersama dan saling bantu-membantu dibawah perjanjian hidup bersama dibawah kepimpinan Islam.

Firman Allah di dalam surah al-Anfal, ayat ke 61, yang bermaksud *“ Dan jika mereka yakni pihak musuh cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkallah kepada Allah”*.

Segala adat kebiasaan yang baik telah dikekalkan oleh Sahifah dalam fasal 3-11. Adat kebiasaan yang baik termasuklah hukuman qisas dan diyat. Hukuman qisah dan diyat dikenakan adalah bertujuan untuk menjaga hak manusia untuk hidup. Untuk menjaga kerukunan dalam masyarakat dan menjamin keamanan. Perlembagaan Madinah telah memperuntukan bahawa *“ Jiran yang diberi perlindungan (jar) adalah seperti diri sendiri, tidak boleh boleh disakiti ( diganggu) dan dilakukan kesalahan”*. Peruntukan ini member kesedaran kepada orang-orang yang hendak melakukan kesalahan supaya bersifat kasihan belas terhadap orang lain.

Selain dari hak-hak tersebut diatas, rakyat juga berhak untuk mendapat keamanan dan perlindungan dari pemerintah. Fasal 47 ayat 4 menyebutkan bahawa, *“ Seseungguhnya sesiapa sahaja yang keluar adalah aman”*. Ayat kelima pula berbunyi, *“ dan sesiapa yang menetap (juga) adalah aman”*. Kedua-dua ayat ini merupakan hak untuk tinggal di Madinah dan hak untuk meninggalkannya. Keamanan dan perlindungan ini akan diberikan dengan syarat seseorang itu bukan seorang yang zalim dan bersalah. Ini bererti negara boleh merampas atau menggantung hak ini jika di dapati seseorang itu telah melakukan kesalahan atau kezaliman.

Kesatuan umat Islam dapat dilihat dengan lebih jelas dari peruntukan fasal 15 ayat 2 yang berbunyi, *“sesungguhnya orang yang beriman adalah kawan di antara satu sama lain tanpa manusia (lain)”*. Penafian “manusia (lain)” sebagai kawan dalam peruntukan di atas bukan bereti bahawa orang-orang bukan Islam dianggap sebagai seteru . Apa yang hendak ditekankan dalam peruntukan diatas ialah “persaudaraan Islam” atau “persaudaraan seagama”. Orang-orang bukan Islam bukanlah tidak berhak mendapat kerjasama dan bantuan dari pemerintahan Islam.

**Prinsip Umum Bernegara.** Di dalam Perlembagaan Madinah ini juga telah menggariskan beberapa prinsip umum Negara menurut keperluan semasa pada ketika itu. Pada keseluruhnnnya terdapat beberapa prinsip utama yang ditekankan, antaranya;

- a) Al-Quran dan Sunnah adalah sumber hukum Negara,
- b) Kesatuan ummah dan kedaulatan Negara,
- c) Kebebasan bergerak dan tinggal di Madinah,
- d) Hak dan tanggungjawab rakyat dari segi ketahanan dan pertahanan Negara,
- e) Dasar hubungan dan bantu-membantu di antara sesama warganegara,
- f) Tanggungjawab individu dan Negara (pemerintah) dalam menegakkan keadilan sosial,
- g) Beberapa undang-undang keselamatan seperti hukuman qisas dan lain-lain telah dicatatkan,
- h) Kebebasan beragama untuk semua kaum yang menjadi warganegara,
- i) Tanggungjawab Negara terhadap orang-orang bukan Islam.

**2. Pandangan Dan Ulasan: Prof. Dza fir El-Qasimy**

Berikut disertakan pula pandangan dan ulasan oleh Prof. Dza fir El-Qasimy berkenaan hikmah 47 fasal Piagam Madinan yang diperkenalkan oleh baginda Rasaulullah SAW. Penulis telah memecahkan kepad 17 bahagian seperti berikut:

**a. Ummah Dan Kerakyatan.** Masyarakat baru Yathrib bukan sahaja terdiri dari orang mukmin dan muslim semata-mata, tetapi terdapat juga bersama mereka adalah orang Yahudi. Orang-orang Yahudi turut diterima sebagai satu ‘ummah’. Fasal 16 menyebut, *“bahawa orang-orang Yahudi yang menyertai kita hendaklah mendapat pertolongan dan pimpinan dengan tidka dizalimi, dan tidak boleh ada pakatan dengan mereka”*.

Dengan demikian itu, kita melihat bahawa agama Islam menerima kaum Ahli Kitab yang hidup di dalam daerahnya sebagai rakyat (warganegara), mereka diterima sebagai sebahagian dari ummah di samping orang-orang mukmin itu sendiri iaitu selama mana mereka menunaikan tanggungjawab dan ditentukan kepada mereka.ini bererti bahawa berlainan agama buakn suatu syarat hukum dalam Sahifah itu untuk menolak sama sekali dasar ‘kewarganegaraan’ seperti yang diamalkan di dalam negara-negara lain ketika pembentukan Negara Islam dahulu.

**b. Musawah - Samarata.** Musawah atau di dalam bahasa Melayunya samarata atau saksama tersebut denagn jelas di dalam Sahifah, diantaranya, dalam fasal 15 ada menyebut, *“ Bahawa jaminan Allah adalah satu dan sama”*, dan bahawa orang-orang Islam itu “melindungi orang-orang yang lemah, dan hendaklah saling menjamin sesama sendiri”. Di penghujung fasal itu tersebut bahawa, *“mereka itu adalah bantu membantu pada ketika kepayahan dan kesukaran”*. Fasal 19 pula menyatakan *“bahawa orang-orang Mukmin hendaklah saling membela sesame mereka atas setiap darah yang tumpah pada jalan Allah”*.

**c. Kabijakan Tanpa Kejahatan.** Ungkapan kata ini tersebut berulang kali di dalam Sahifah itu. Al- Suhaili berkata begini: “erti kalimat *birr* (kebajikan), *wafak* iaitu menunaikan janji kedua-duanya mestilah membendung kejahatan”.

**d. Memuliakan Kota Madinah.** Di dalam Sahifah juga ada disebutkan *“bahawa Kota Yathrib adlah terpelihara sempadannya dan tidak boleh diceroboh oleh mana-mana pihak yang menganggotai piagam ini”*. Asal usul kalimat “tahrir” (memuliakan) ialah jangan ditebang pokok-pokok dan jangan dibunuh burung-burungnya. Jadi, kita demikianlah hukumnya melarang membinasa pokok dan binatang, maka betakan pula tentang harta benda dan nyawa manusia.ianya boleh dilihat pada fasal 39.

**e. Dilarang Menjirani Orang Quraisy:** Berjiran adalah salah satu adat resam yang dipandang suci oleh masyarakat Arab. Akan tetapi oleh kerana masyarakat Islam di Madinah ketika itu sedang berada di dalam keadaan berperang, dan dalam keadaan sedang bersiap sedia untuk berperang, maka rasulullah berpendapat bahawa langkah memansuhkan adat penjiranan ini adlah mustahak dalam suasana perang yang sedang dialami oleh masyarakat Madinah.

Selain itu, dinyatakan juga di dalam sahifah itu bahawa bukan sahaja dilarang menjirani orang Quraish, bahkan dilarang juga menjirani orang-orang yang menolong orang Quraish itu. Ianya ada disebut di dalam fasal 43, *“ bahawa tidaklah boleh diberi perlindungan kepada Quraisy (musuh), begitu juga tidak boleh diberi perlindungan kepada orang-orang yang membantunya (Quraish)”*.

**f. Dilarang Penderhakaan.** Fasal 13 menyatakan antaranya, *“ ..dan mereka henbdaklah bersatu menentang orang-orang tersebut walaupun orang itu adalah anak kepada salah seorang dari mereka..”*. Dapat diperhatikan secara jelas dari fasal ini akan hak orang ramai yang mesti dikawal dan dilaksanakan walaupun perlaksanaan itu mungkin berlawanan dengan hubungan anak dengan ayahnya dan hak-hak yang diberikan kepada hubungan tersebut.

**g. Pembunuh Hendaklah Dibalas Bunuh.** Pada zaman Jahiliah dahulu, perkara pembunuhan bukanlah suatu perkara yang dianggap besar dan segi akhlak. Apabila Islam datang diharamkan membunuh jiwa melainkan dengan alasan kebenaran, dan dengan itukesalahan membunuh adalah dikira salah satu dari kesalahan-kesalahan jenayah yang besar yang ada kaitannya dengan seluruh anggota masyarakat. Di dalam Piagam (Sahifah) sendiri tersebut bahawa si pembunuh hendaklah dihukum bunuh balas.

Fasal 21 menyebut, *“..dan bahawa semuaorang Mukmin hendaklah bersatu suara mengutuk perbuatannya itu, bahkan tidak harus bagi mereka melainkan menegakkan hak terhadapanya”*.

**h. Dilarang Melindungi Penjenayah.** Piagam Madinah mengharamkan perbuatan melindungi penjenayah bahkan Islam menganggap perbuatan tersebut adalah satu kesalahan besar yang mengakibatkan si penjenayah tersebut tidak diterima taubatnya dan juga tidak diterima penebusannya. Ini adalah kerana kesalahan tersebut boleh menimbulkan ketidakstabilan di dalam masyarakat bahkan boleh menyebabkan kacau bilau dan perpecahan akibat sikap haloba untuk melepaskan diri dari hukuman. Ianya boleh di lihat dalam fasal yang ke- 22.

**i. Pembalasan Adalah Soal Individu.** Fasal 37-B mengandungi peruntukan, *“mana-mana orang tidaklah boleh dianggap bersalah kerana kesalahan yang dilakukan sekutunya”*. Kata-kata ini merujuk kepada maksud, pembalasan adalah terhenti ke atas diri individu yang melakukan kesalahan itu sahaja, dan ia tidak melampai keatas orang lain walaupun

mereka mempunyai hubungan kekeluargaan atau persaudaraan.

**j. Dilarang Perdamain Bersendirian.** Fasal 17 menyebut, “ *perdamaian orang-orang mukmin itu adalah satu dan sama, oleh itu tidak boleh dibuat perjanjian dengan mana-mana orang mukmin yang lain tanpa dituruti oleh mukmin yang lain dalam sesuatu perang pada jalan Allah, melainkan dengan dasar perdamaian dan keadilan di kalangan mereka*”.

Oleh kerana masyarakat Islam di Madinah pada waktu itu terdiri dari perlabagi kaum dan bangsa, maka apa jua perang yang akan berlaku sudah tentu akan menimpa semua pihak. Jadi, berdasarkan fasal 17 tadi, tidak harus bagi mana-mana satu pasukan membuat apa-apa perjanjian secara persendirian dengan tidak disertai oleh pasukan-pasukan yang lain. Ini adalah untuk menjaga perpaduan ummah yang dibentuk menurut fasal 2 piagam Madinah ini.

**k. Menyempurnakan Hutang Bagi Pihak Pemiutang.** Di dalam Piagam Madinah ini juga ada menyentuh mengenai soal hutang dan pemiutang, dimana terdapat kemungkinan orang islam menanggung hutang yang berat, maka piagam ini telah mewajibkan diberi hadiah yang baik. Dasar kebajika menolong pihak piutang ini sebenarnya telah diperkenalkan oleh Islam sejak awal lagi, lebih awal dari konsep zakat kerana langkah membayar tanggungan si piutang itu adalah terletak ke atas Baitul-mal (Perbendaharan Negara) seperti yang ternyata dalam salah satu dari lapan bahagian (asnaf) yang sedia diketahui itu. Ianya boleh dilihat dalam fasal piagam ke- 12.

**l. Menebus Orang Tawanan.** Jika diperhatikan, dalam bahagian ketiga dari Sahifah (piagam) tersebut, ada membicarakan berkaitan tugas menebus orang-orang tawanan perang dan perihal berkaitan wang tebusan, dimana wang tebusan ini hendaklah dibahagikan di kalangan orang-orang mukmin dengan dasar kebajikan dan keadilan.

**m. Kejiranan.** Di antara beberapa organisasi yang penting yang diperuntukan di dalam piagam Madinah ini ialah mengenai kepentingan hidup berjiran. Fasal 40 memperuntukan, “ *bahawa jiran tetangga hendaklah diperlakukan seperti diri sendiri, tidak boleh dianiaya atau diperlakukan perbuatan buruk terhadap jiran tersebut*”.

Bebrapa orang yang mengkaji piagam ini berpendapat bahawa perkataan “jiran“ disini membawa erti ‘orang yang berpakat’. Menurut Prof. Dza fir El-Qasimy ini juga, beliau sendiri tidak merasa ada apa-apa halangan jika kalimat “jiran” itu dipakai bagi kedua-dua maksud, “jiran biasa” dengan “jiran dengan jalan pakatan”.

**n. Mengekalkan Beberapa Adat Lama.** Piagam ini mengekalkan beberapa adat resam yang telah lama di amal oleh oleh umat Arab zaman jahiliah dahulu seperti adat yang berkaitan dengan bayaran diat (bayaran darah) dan juga barang-barang tawanan perang. Ianya boleh dirujuk pada fasal 3 sehingga fasal 12 dalam piagam Madinah ini.

**o. Pentadbiran Keamanan.** Suasana kecemasan yang dialami oleh masyarakat tentera pada ketika itu telah memerlukan diadakan beberapa langkah khas terhadap orang-orang yang bukan beragama Islam. Antara langkah-langkah khas itu yang disebut dalam fasal 36 ialah, “ *tiada seorang pun yang menyertai piagam ini boleh menarik diri keluar dari pakatan (piagam) ini melainkan dengan kebenaran Muhammad SAW*”.

Langkah seperti ini memang berlaku dimana-mana dalam urusan ketenteraan bahkan boleh dikatkan diamalkan oleh semua Negara-negara kerana dibimbangi berlakunya intipan rahsia mahupun pembocoran rahsia. Menurut Prof. Dza fir El-Qasimy, beliau sendiri pernah mengalaminya ketika perang dunia kedua dimana beliau tidak dibenarkan meninggalkan Kota Damascus melainkan dengan persetujuan atau kebenaran pihak berkuasa tentera.

**p. Menyumbang Kepada Perbelanjaan Pertahanan.** Orang-orang Yahudi itu sudah diterima menjadi warganegara penuh dengan peruntukan yang nyata di dalam Piagam itu dan mereka sudah diterima sebagai “*ummah di samping orang-orang mukmin*”, namun mereka tidak pula dibebankan segala tanggungjawab seperti yang dibebankan keatas umat Islam terutama dalam perihal peperangan. Mereka tidak diwajibkan untuk menyertai peperangan bersama umat islam yang lain.

Akan tetapi, orang-orang Yahudi ini mestilah memberi sumbangan dalam bentuk lain seperti memberi sumbangan kepada tabung pertahanan, dan itupun pada waktu-waktu berperang sahaja. Perihal ini ada disebut di dalam piagam, pada fasal ke 24, “ *bahawa orang-orang Yahudi hendaklah turut membelanja bersama-sama dengan orang-orang mukmin selama mana mereka itu berperang*”.

**q. Punca Perselisihan.** Memang ada kemungkinan berlakunya silap paham tentang perlaksanaan atau perbezaan pendapat tentang penafsiran mengenai pengertiannya (berkaitan piagam Madinah). Dan Rasulullah sendiri sudah menjangkakan hal itu akan berlaku lebih awal lagi. Maka kerana itulah diadakan satu peruntukan di bawah fasal 23, “ *walaubagaimana berbalahnya kamu sekalipun dalam satu-satu perkara, maka hendaklah perkara itu dirujuk kepada Allah dan Muhammad sebagai pesuruh Allah*”. Langkah ini memang diakui di dalam semua perjanjian antarabangsa zaman sekarang.

Menurut Prof. Dza fir El-Qasimy ini lagi, sekiranya kita menganalisa tajuk-tajuk yang terkandung di dalam Sahifah ini,

nascaya kita akan dapati ianya mengandungi beberapa dasar politik yang tulen, dimana ia turut diamalkan oleh negara-negara moden sekarang sebagai dasar pokok dalam rujukan urusan perundangan dan penyusunan.

**KESIMPULAN**

Maka jelaslah disini, perlembagaan Madinah bolehlah diterima sebagai Perlembagaan Bertulis pertama di dunia yang menjadi asas atau rujukan hampir semua negara membangun didunia. Ia sesuai dipraktikkan dalam sesebuah Negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

Peranan agama dalam membentuk masyarakat tidak sesekali menyekat sesebuah negara itu untuk membangun, malah menjadi antara faktor utama kepada pembangunan sebuah negara yang aman, jitu dan maju. Seperti yang diuraikan di atas tadi, dengan agama, ia mampu menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan bangsa, dengan agama ia dapat menundukkan sifat ego dan angkuh seseorang manusia. Kerana Islam adalah agama fitrah, agama yang sentiasa dekat dan hampir dengan setiap manusia.

Jelasnya Piagam Madinah ini telah membuktikannya. Dasar-dasar pembaharuan yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada sebuah Negara Madinah yang awalnya didominasi kaum bukan Islam, bukan sahaja mengangkat Negara Madinah dimata dunia, malah melihat peranan agama Islam itu sendiri sebagai punca keharmonian dan kesejahteraan kaum yang pelbagai di Madinah. Fakta ini tidak sesekali boleh diubah. Bahawasanya peranan dan faktor agama sesekali tidak boleh dikesampingkan dalam agenda membentuk dan mentadbir sebuah kerajaan atau Negara. Tanpanya, sesebuah Negara itu pasti tidak mampu berdiri tegak secara konsisten sehingga ke akhirnya, malah akan sering tumbang akibat berhadapan dengan pelbagai masalah dan musibah.

**RUJUKAN**

Ahmad Sukardja, 1995, Piagam Madinah dan Undang-Undang Dasar 1945: Kajian Perbandingan Tentang dasar hidup Bersama dalam Masyarakat Yang Majemuk, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.

Muhammad Abu Bakar. 1987. Penghayatan Sebuah Ideal Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abu Bakar Hamzah. 1985. Piagam Madinah. Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif.

Abu Hanifah Ali. 1975. Pemerintahan Islam di Madinah dan Demokrasi sekarang. Latihan Ilmiah Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Ibrahim & Dzafar El-Qasimy. 1985. Piagam Madinah: Pandangan dan Ulasan (Terj. Abu Bakar Hamzah). Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif.

Akram Diya’ al-Umari. 2000. Masyarakat Madani di Zaman Nabi (Terj. Zainab Abdul Kadir: Madinan Society at the Time of the Prophet). Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought.

Arnold, T. W. 1968. The Preaching of Islam: A History of the Propagation of the Muslim Faith. Pakistan: Ashraf Press.

Aunur Rafiq. 2009. Pendamaian Menurut Perspektif al-Qur’an: Analisis tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah. Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

Bowen, J. R. 1996. The Myth of Global Ethnic Conflict. Journal of Democracy, 7(4), 3-14.

Izzuddin. 2008. Konsep Ummah dalam Piagam Madinah. Jurnal Darussalam, 7(2) 109-122.

J. Suyuthi Pulungan. 1993. Prinsip-Prinsip dalam Piagam Madinah ditinjau dari Pandangan al-Qur’an. Disertasi Doktor Falsafah, IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

Khalid Muhammad Khalid 1994. Kemanusiaan Muhammad (Terj. Abu Syauqi Baya’Sud & Ibrahim Mansur: Insaniyah Muhammad). Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.